

RABU • 09.08.2017

sukan@utusan.com.my

# SUKAN

AKHAR INI TIDAK DIBENARKAN  
DIBAWA KELUAR DARI BAHAGIAN INI

UTUSAN MALAYSIA



**RONALDINHO  
TIDAK FAHAM  
NEYMAR PILIH  
PSG GANTI  
BARCA»33**

Masalah disiplin jadi punca penyingkiran anggota kuartet pemegang rekod kebangsaan 4x100m

## KOM gugurkan Komalam

Oleh ZAZALI JAMIAN  
dan ROZAIDI ZULKIFLI  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OGOS

**K**UARTET 4x100 meter wanita yang mencipta rekod kebangsaan pada Julai lalu bakal beraksi dalam Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) tanpa salah seorang ahli tetap mereka iaitu S. Komalam Shally yang digugurkan kerana masalah disiplin.

Bagaimanapun, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) yakin pengguguran atlet berusia 29 tahun dari Perak itu tidak akan menjelaskan sasaran pingat emas.

Keputusan yang dibuat oleh Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) itu bermakna menyaksikan jumlah atlet olahraga yang bakal bersaing dalam KL2017 berkurangan kepada 65 atlet berbanding sebelum ini 66.

Pengurus pasukan olahraga negara bagi KL2017, Datuk Salim Parlan berkata, keputusan menggugurkan atlet tersebut terpaksa dibuat oleh KOM demi menjaga keharmonian dalam persiapan menghadapi KL2017.

Bagaimanapun, Salim enggan mendedahkan secara terperinci masalah disiplin yang menjadi punca Komalam digugurkan.

“Sebelum keputusan dibuat pihak KOM telah berbincang secara terperinci selepas mendapat aduan daripada pelbagai pihak malah menggugurkan Komalam juga tidak akan mengganggu persiapan pasukan olahraga kerana tiada sandaran pingat emas diandalkan kepada dia.

“Kami cuba untuk tidak mendiamkan perkara ini kerana

keputusan telah dibuat pada awal bulan ini namun akhirnya tetap diketahui oleh media.

“Untuk menggugurkan seseorang atlet dalam kontinjen, ada beberapa perkara perlu dinilai iaitu melibatkan prestasi, kecederaan dan disiplin. Kebiasaananya atlet digugurkan di saat akhir kerana kecederaan dan amat jarang disingkirkan kerana masalah disiplin.

“Kami mahu perkara ini menjadi pengajaran kepada atlet olahraga lain agar menjaga disiplin mereka,” katanya ketika ditemui pemberita selepas sesi pendedaran jawatankuasa bebas yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Nazifuddin Najib berhubung isu Komalam di Majlis Sukan Negara, sini, hari ini.

Difahamkan keputusan menggugurkan Komalam dibuat kerana atlet tersebut didakwa tidak menghormati jurulatih.

Ketiadaan Komalam bermakna kuartet 4x100m yang memegang rekod kebangsaan dengan catatan 45.18 saat dalam Kejohanan Olahraga Asia di India pada 10 Julai lalu itu akan ditaris oleh Shereen Samson Vellobouy, Siti Fatimah Mohamad, Zaidatul Husniah Zulkifli dan Nurul Faizah Asma Mazlan.

Pengguguran Komalam juga bermakna kini hanya tinggal Zaidatul Husniah sahaja yang bakal mewakili negara dalam

acara 200m. Zaidatul juga akan bersaing dalam acara 100m.

Kuartet 4x100m negara, walaupun memperbaharui rekod kebangsaan di India bulan lalu, tidak diletakkan harapan untuk memenangi pingat emas. Thailand dan Vietnam menjadi pilihan utama dalam acara itu.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, beliau menyerahkan kepada pihak persatuan mengenai isu Komalam.

“Keputusan yang dibuat adalah mengikut saluran yang betul dan saya tidak akan masuk campur berkaitan isu itu kerana sebarang keputusan dibuat

terserah kepada persatuan masing-masing.

“Saya juga telah mendapat penjelasan daripada pihak persatuan dan telah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa, cuma alasan menggugurnannya saya tidak boleh



**S. KOMALAM SHALLY (dua dari kiri) didakwa tidak menghormati jurulatih menyebabkan dia digugurkan daripada kuartet 4x100m ke Sukan SEA.**

beritahu (media di sini) tetapi terpulang kepada pihak persatuan sama ada mahu mengumumkan kepada umum atau tidak,” katanya kepada wartawan selepas Majlis Pelancaran Lagu Tema Sukan SEA dan Seribu Patung Rima.